

Headline	Sinar Harian bebas, berani		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	01 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	11	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	766 cm ²
Journalist	NURUL FIRDAUS KHAIRI	AdValue	RM 16,239
Frequency	Daily	PR Value	RM 48,717



Sinar Harian bebas, berani

Akan terus memainkan peranan sebagai akhbar yang telus, tulus dan tidak berat sebelah

NURUL FIRDAUS KHAIRI

SHAH ALAM

Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-13 *Sinar Harian* di Kumpulan Media Karangkraf semalam disambut sederhana tetapi meriah dengan kehadiran 200 tetamu terdiri daripada kakitangan *Sinar Harian*.

Majlis dimulakan dengan bacaan doa disusuli ucapan Penasihat Eksekutif Editorial *Sinar Harian*, Datuk Abd Jalil Ali dan Pengarah Urusan, Datuk Dr Hussamuddin Yaacob sebelum diteruskan dengan acara memotong kek sebagai simbolik sambutan ulang tahun.

Hussamuddin berkata, akhbar *Sinar Harian* akan terus berdiri sebagai media yang bebas, berani, tidak berat sebelah dan jujur dalam menyampaikan maklumat kepada masyarakat.

"Pengisian *Sinar Harian* akan lebih matang yang menjadi penentu hala tuju masa depan masyarakat dan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-13 *Sinar Harian* di Kompleks Kumpulan Media Karangkraf di sini semalam.

Majlis yang dimeriahkan dengan kehadiran tetamu terdiri daripada kakitangan *Sinar Harian*

itu turut dihadiri oleh Timbalan Pengerusi Kumpulan Media Karangkraf, Datuk Muhammad Nasir Hamzah; Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Mohamed Izham Mohamed Yusof; Ketua Pegawai Operasi Grup Buku Karangkraf, Firdaus Hussamuddin; Ketua Pegawai Operasi Grup Sinar Karangkraf, Farah Hussamuddin; Ketua Pegawai Operasi Ideaktif, Syamil Fahim Mohamed Fahim dan Ketua Pengarang Kumpulan *Sinar Harian*, Datuk Baharom Mahusin.

Hadir sama, bekas Ketua Pengarang *Sinar Harian*, Norden Mohamed dan bekas Pengarang Kumpulan *Sinar Harian*, Sri Diah Shahaaruddin.

Selain meraikan ulang tahun ke-13, *Sinar Harian* turut menyampaikan sijil penghargaan kepada 15 individu terawal yang menjadi tonggak penggerak ketika penerbitan pertama *Sinar Harian* di Kelantan.

Kemeriahan majlis terselrah dengan tetamu memakai pakaian bertemakan warna merah selain dijamu dengan pelbagai hidangan dan juadah menarik.

Majlis berkenaan turut mendapat penajaan daripada Restoran dan Katering Seri Keningau, Acorn Communications Sdn Bhd, Latar Expressway, Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd (Littrak), Starbucks Malaysia, Tony Roma's, Suka Sucre Bistro by Datuk Cef Fazley Yaacob, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Kandis, Mohd Zawawi Ahmad Mughni, Just Lorry, Origina by PS Food & Beverage Sdn Bhd, Hotel Bluewave, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Hospital Pakar An-Nur, Bangi,



Hussamuddin ketika menyampaikan amanat kepada kakitangan sempena ulang tahun *Sinar Harian* yang ke-13 di Shah Alam semalam.

Asam Pedas Meraung dan JV Empire, Ampang.

Akhbar *Sinar Harian* diterbitkan di Kelantan pada tarikh 31 Julai 2006 sebagai satu akhbar khusus untuk warga Pantai Timur.

Selepas menakluki tiga negeri di Pantai Timur, *Sinar Harian* semakin agresif meluaskan pengaruhnya ke seluruh Semenanjung Malaysia sehingga mampu bersaing sebagai surat khabar arus perdana.

Penerbitan berita daerah yang bersifat neutral dan tidak berpihak menjadi antara faktor penyumbang kejayaan *Sinar Harian* yang lahir sebagai sebuah akhbar pertama memainkan cerita komuniti setempat sebagai medium utamanya.

REAKSI PENERIMA SIJIL PENGHARGAAN *SINAR HARIAN*

Selama 13 tahun setia bersama *Sinar Harian*. Kalau dengan Kumpulan Media Karangkraf sahaja sudah 20 tahun. Barangkali sehidup semati dengan syarikat ini. Terima kasih kepada *big bos*, Datuk Dr Hussamuddin Yaacob kerana memberi peluang untuk saya berkhidmat. Terima kasih juga kepada Penasihat Editorial, Datuk Abd Jalil Ali atas segala tunjuk ajar."

- Pengarang Eksekutif (Cetak), Azmi Tarmizi



Semoga *Sinar Harian* terus kekal sebagai suara rakyat dan menjadi pilihan pembaca." - Editor, Khairul Amri Yasin



Semoga *Sinar Harian* terus sukses dan kekalkan identiti berita komuniti dan menepati cita rasa pembaca masa kini." - Penulis Kreatif, Norhafiza Musa



Sinar Harian ibarat seorang remaja yang baru berusia 13 tahun. Ia sekali gus mengharapkan warga kerja *Sinar Harian* tabah berdepan dengan cabaran terutama apabila bersaing dengan media lain." - Timbalan Pengarang Berita *Sinar Harian*, Ong Boon Teck



Hussamuddin (dua dari kiri) bersama barisan pengurusan Kumpulan Media Karangkraf memotong kek sempena ulang tahun *Sinar Harian* yang ke-13, semalam.